

04/01/2000

Ahli diminta sokong ketetapan MT

KEPALA BATAS, Isnin - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta semua ahli Umno memberi sokongan terhadap keputusan Majlis Tertinggi (MT) untuk mencalonkan semula Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden pada pemilihan parti itu, Mei ini.

Sehubungan itu, Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden itu, berharap tiada mana-mana bahagian akan mengemukakan sebarang pencalonan untuk merebut jawatan berkenaan.

"Saya juga berharap semua (ahli Umno) akan menyokong ketetapan yang diputuskan oleh MT," katanya selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada 50 fakir miskin di Dewan Bakar Kapur, Penaga, dekat sini, hari ini.

Mesyuarat MT di Kuala Lumpur hari ini antara lain membuat ketetapan untuk mencalonkan semula Dr Mahathir sebagai Presiden Umno di samping mencalonkan Abdullah sebagai Timbalan Presiden pada pemilihan Umno nanti.

Mengenai keputusan MT mencalonkan beliau sebagai timbalan presiden, Abdullah melahirkan rasa terharu dan berterima kasih terhadap ahli MT yang memberi kepercayaan kepadanya menyandang jawatan itu.

"Saya tak sangka keputusan seumpama ini dibuat oleh MT pagi tadi. Tetapi, nampaknya dah jadi kehendak ahli MT supaya perkara ini (pencalonan presiden dan timbalan presiden) dibuat satu keputusan.

"MT akan beri pandangan dan pendirian mengenainya dan dalam pada itu mereka mencadangkan supaya Dr Mahathir dicalonkan semula dan saya dicalonkan sebagai timbalan presiden.

"Saya amat terharu dan mengucapkan terima kasih kepada kawan-kawan dalam MT yang beri kepercayaan kepada saya dengan menamakan saya sebagai calon timbalan," katanya sambil menambah itu adalah keputusan yang dibuat oleh MT.

Abdullah juga berkata, Ketua Perhubungan Umno negeri akan menyampaikan pandangan dan keputusan MT kepada semua ketua bahagian.

Sementara itu, Abdullah yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Pulau Pinang, berkata MT belum membuat keputusan mengenai Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno negeri berkenaan.

Beliau berkata, keputusan mengenai perkara itu akan diputuskan selepas perhimpunan agung Umno akan datang.

Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Pulau Pinang kini disandang oleh Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Mohd Shariff Omar.

Kebiasaannya jawatan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Pulau Pinang dipegang oleh Timbalan Ketua Menteri, yang kini disandang oleh Datuk Dr Hilmi Yahaya.

Terdahulu, ketika ditemui selepas mesyuarat MT di ibu negara, Abdullah mengucapkan terima kasih kepada ahli MT kerana membuat cadangan supaya kedua-dua jawatan tertinggi Umno itu tidak dipertandingkan.

Berikutan pencalonan itu bermakna tanggungjawab lebih besar menunggu untuk dilaksanakan.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada rakan MT kerana mencalonkan saya bagi jawatan timbalan presiden dan ini bermakna tanggungjawab lebih berat menunggu saya," katanya.

(END)